

PCD COUGH LINCTUS

Pholcodine (0.1% w/v, 0.3% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PCD Cough Linctus
2. Bagaimana PCD Cough Linctus berfungsi
3. Sebelum mengambil PCD Cough Linctus
4. Cara menggunakan PCD Cough Linctus
5. Semasa menggunakan PCD Cough Linctus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PCD Cough Linctus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang PCD Cough Linctus. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil PCD Cough Linctus berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan PCD Cough Linctus

PCD Cough Linctus digunakan untuk melegakan batuk kering yang gatal, termasuk selesema, resdung, flu dan jangkitan pada bahagian atas saluran pernafasan. Juga sesuai untuk melegakan batuk pada orang yang mempunyai kencing manis.

Bagaimana PCD Cough Linctus berfungsi

PCD Cough Linctus mengandungi *Pholcodine* sebagai bahan aktif.

Pholcodine merupakan ubat penahan batuk opioid.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan PCD Cough Linctus

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil PCD Cough Linctus sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada *Pholcodine* atau bisulphites atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda mempunyai atau pernah mengalami lelah atau masalah pernafasan yang lain.
- Jika anda mempunyai masalah hati.

Kehamilan dan penyusuan badan:

Tiada kesan berbahaya secara langsung atau tidak langsung kepada janin dilaporkan sekiranya *Pholcodine* diambil oleh wanita hamil. Ia tidak digalakkan untuk ibu-ibu yang menyusukan bayi melainkan manfaat kepada ibu mengatasi sebarang kemungkinan risiko kepada bayi.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan PCD Cough Linctus

-Berapa banyak harus digunakan

PCD Cough Linctus 0.1% w/v:

Dewasa:

10 – 15ml setiap 8 – 10 jam.

Kanak-kanak berumur 5 – 14 tahun:

5 – 7.5ml setiap 8 – 10 jam.

Kanak-kanak berumur 2-5 tahun:

1ml per setiap tahun umur setiap 8-10 jam.

PCD Cough Linctus 0.3% w/v:

Dewasa:

5ml setiap 8-10 jam

Tidak digalakkan untuk kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah kecuali dengan nasihat doktor.

-Bila perlu digunakan

Ubat ini diambil setiap 8-10 jam, jika diperlukan.

-Berapa lama perlu digunakan

Ini bergantung kepada keadaan anda dan tindak balas anda terhadap rawatan. Dapatkan nasihat daripada doktor anda tentang tempoh yang tepat untuk mengambil ubat ini.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya. Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang tertinggal dan teruskan mengikut jadual yang biasa.

Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Antara gejala terlebih dos termasuk mengantuk, rasa gelisah, terlalu teruja, *ataxia* (gangguan pergerakan otot menjadi tidak teratur) dan masalah pernafasan.

Semasa menggunakan PCD Cough Linctus

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil PCD Cough Linctus.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol (minuman keras) semasa mengambil PCD Cough Linctus.

PCD COUGH LINCTUS

Pholcodine (0.1% w/v, 0.3% w/v)

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Reaksi anda mungkin akan dijejaskan semasa rawatan. Anda tidak dibenarkan memandu atau mengendalikan mesin/jentera sehingga kesan sampingan ubat anda dikenali.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PCD Cough Linctus boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Jika ia berlaku, kebanyakannya adalah ringan dan seketika, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Kesan sampingan adalah:

- Loya dan muntah (kadang-kadang berlaku)

Anda mungkin mengalami kesan sampingan di bawah selepas mengambil ubat dalam dos yang tinggi;

- Mengantuk
- Rasa gelisah
- Terlalu teruja
- *Ataxia*
- Masalah pernafasan

Pholcodine boleh meningkatkan kesan penekan sistem saraf pusat.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public→Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan PCD Cough Linctus

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan dingin serta terlindung daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

PCD Cough Linctus 0.1% w/v:
Cecair sirap berwarna coklat dengan perisa dan bau buah plum.

PCD Cough Linctus 0.3% w/v:
Cecair sirap berwarna merah jernih dengan perisa dan bau lemon.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

PCD Cough Linctus 0.1% w/v:
Ia mengandungi Pholcodine 0.1% w/v.

PCD Cough Linctus 0.3% w/v:
Ia mengandungi Pholcodine 0.3% w/v.

-Bahan-bahan tidak aktif:

PCD Cough Linctus 0.1% w/v:
Liquid Glucose, Sour Plum Flavour, Sodium Metabisulfite, Sorbitol Solution, Liquid Caramel, Citric Acid, Sodium Benzoate, Sucrose, Chloroform Spirit, Saccharin Sodium, Purified Water.

PCD Cough Linctus 0.3% w/v:
Sodium Benzoate, Sucrose, Chloroform Spirit, Saccharin Sodium, Lemon Oil, Liquid Glucose, Sodium Metabisulfite, Sorbitol Solution, Citric Acid, Ponceau 4R, Purified Water.

-Nombor MAL:

PCD Cough Linctus 0.1% w/v:
MAL06021189AZ

PCD Cough Linctus 0.3% w/v:
MAL06011713AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

-05/07/2017

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)220617/00154